

14 MAR 2001

Shahidan-Ceramah

LARANGAN CERAMAH PERLU DIPERLUASKAN KE SELURUH NEGARA, KATA SHAHIDAN

KANGAR, 14 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim mencadangkan agar larangan ceramah umum serta perhimpunan orang ramai seperti yang dikuatkuasakan di Selangor turut diperluaskan ke seluruh negara.

Katanya jika larangan itu hanya berkuatkuasa di Selangor, para penceramah yang akan mengambil kesempatan daripada kekeruhan yang berlaku akan bertumpu ke negeri-negeri lain bagi meneruskan agenda mereka.

"Saya akan tulis surat serta-merta untuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara ini," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Shahidan menyifatkan larangan hanya untuk Selangor tidak begitu praktikal kerana para penceramah boleh membawa isu yang sama di negeri-negeri lain.

Beliau berpuas hati dengan keharmonian kaum di negeri ini dan percaya keadaan itu akan terus berkekalan.

Bagaimanapun, beliau berkata terdapat sedikit masalah berhubung dengan pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam yang tidak merujuk kepada kerajaan negeri.

"Kerajaan negeri tidak menghalang pembinaan rumah-rumah ibadat asalkan mereka mematuhi peraturannya," katanya.

Perkara itu menurutnya tidak akan menjejaskan kerukunan hidup rakyat berbilang kaum di negeri ini kerana kerajaan sentiasa bertimbang rasa kepada semua kaum.

Menteri Besar berkata kerajaan negeri juga akan menyeragamkan khutbah Jumaat di semua masjid di negeri ini supaya umat Islam sentiasa memperoleh maklumat terkini mengenai negara dan negeri ini.

Sebelum ini, katanya ada imam yang membacakan khutbah lama kerana mereka tidak mendapatkan khutbah terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti.

Mengulas mengenai tindakan sekumpulan umat Islam di Perlis yang bersembahyang sunat Aidiladha sehari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan, Shahidan berkata perkara itu akan dikemukakan pada mesyuarat Majlis Raja-raja pada 21 Mac ini.

"Perlis akan mengemukakan kertas kerja mengenai perkara itu pada mesyuarat berkenaan bagi mengelakkan kekeliruan dan keraguan yang berterusan," kata Shahidan.

Bagaimanapun, menurutnya perbuatan bersembahyang sunat Aidiladha lebih awal dari yang ditetapkan kerajaan adalah tetap menyalahi undang-undang negara.

Pada 5 Mac lalu, ratusan penduduk di negeri ini mengadakan sembahyang sunat Aidiladha di sebuah dewan di Jalan Mata Ayer, sehari lebih awal dari tarikh yang diumumkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-raja.

-- BERNAMA

AD RHM